

29 AUG 1999

Pemuda-Jawatankuasa

JAWATANKUASA PEMANTAUAN IPTA DIMINTA DITUBUHKAN

KUALA TERENGGANU, 29 Ogos (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno Malaysia hari ini meminta Kementerian Pendidikan supaya menubuhkan jawatankuasa khas bagi memantau kegiatan mahasiswa dan pensyarah di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Pengerusi Majlis Kemahasiswaan dan Latihan Pemuda Umno, Zein Isma Ismail berkata pengwujudkan jawatankuasa itu perlu memandangkan terdapat segelintir pelajar yang kini semakin berani menentang kerajaan.

"Perbuatan para pelajar dan pensyarah yang terlibat seolah-oleh tidak langsung mengenang budi kerajaan yang selama ini telah banyak berjasa kepada mereka...Pemuda Umno amat sedih dengan perkembangan ini," katanya kepada BERNAMA di sini, petang ini.

Semalam, Ketua Pengarah Pendidikan Datuk Dr Abdul Shukor Abdullah berkata kementerian berkenaan akan menubuhkan jawatankuasa tatatertib untuk mengemukakan bukti bagi mendakwa guru-guru yang terlibat menghasut pelajar membenci kerajaan.

Menurut Dr Abdul Shukor, jawatankuasa itu akan dianggotai oleh guru besar atau pengetua sekolah, wakil Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Jemaah Nazir Sekolah.

Zein Isma berkata jawatankuasa berkenaan perlu diperluaskan kepada pensyarah dan mahasiswa di IPTA yang menunjukkan sikap tidak berterima-kasih kepada kerajaan.

Menurutnya, jawatankuasa itu bukan bermakna ingin mengongkong siswazah dan pensyarah IPTA untuk menentukan arah tuju politik mereka tetapi mereka perlu bertanggungjawab pada kerajaan yang memerintah sekarang.

Tindakan tegas hendaklah diambil ke atas mereka yang terlibat dalam gerakan anti-kerajaan supaya perbuatan itu tidak berlarutan sehingga menjejaskan usaha kerajaan membangunkan negara.

"Walaupun negara kita adalah demokarasi dan sesiapa sahaja berhak menyokong calon yang mereka suka melalui pilihan raya, namun kakitangan kerajaan jangan sewenang-wenangnya menyalahgunakan kuasa atau menjadi agen pembangkang untuk menentang kerajaan," katanya.

Pemuda UMNO akan sentiasa membantu kerajaan untuk menangani masalah itu dan tidak mahu mahasiswa dijadikan alat untuk mencapai cita-cita golongan tertentu yang berfahaman politik sempit, katanya.

Mengulas mengenai kenaikan taraf Institut Teknologi Mara (ITM) kepada sebuah universiti, beliau berkata langkah itu tepat dengan waktunya dan universiti itu perlu diberi masa bagi melaksanakan perancangan dalam pendidikan.

Beliau juga menolak kekeliruan wujudnya dari segi nama Universiti Teknologi Mara dengan Universiti Teknologi Malaysia kerana keputusan berkaitan nama itu masih belum dibuat.

Menurutnya, cadangan mewujudkan fakulti perubatan di Uiversiti Teknologi Mara dialu-alukan sebagai usaha menambah pakar perubatan di negara ini.

Pengumuman ITM sebagai Universiti Teknologi Mara dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Khamis lepas semasa menghadiri Perhimpunan Perdana Alumni ITM di Stadium Malawati, Shah Alam.

-- BERNAMA

AYB RI